

**KEBERKESANAN KAEDAH PENYELESAIAN MASALAH SECARA
KOLABORATIF DALAM KALANGAN PELAJAR EKONOMI
TINGKATAN ENAM**

Oleh

KHOO YIN YIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2008

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Fatimah Saleh dan Dr. Abdul Ghani Kanesan Abdullah yang telah memberi bantuan, bimbingan, dorongan, tunjuk ajar dengan penuh dedikasi sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak kurang juga, bekas penyelia saya Dr. Zakaria Kassim yang pernah membimbing dan memberi galakan pada peringkat permulaan hingga ke peringkat pembentangan usul.

Sebagai seorang pelajar sambilan ijazah lanjutan dan guru sepenuh masa di sekolah menengah, saya memikul tanggung jawab berganda dan mengurus masa untuk melaksanakan tugas. Oleh itu, penghargaan dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pengetua sekolah, penyelia petang dan rakan sejawat saya Pn. Ong Kah Lee yang memberi sokongan. Saya juga amat menghargai bantuan pengetua sekolah, guru dan pelajar yang disenaraikan untuk menjalankan kajian. Tidak kurang juga Pn. Noraini dan Dr. Mariyani yang memberi nasihat dari segi tatabahasa.

Sekalung budi kepada ayah saya mendiang Khoo Teng Cheang, ibu saya Pn. Neoh Guat Lan dan adik saya Dr. Khoo Kah Fang. Galakan dan motivasi yang diberikan daripada ibu dan adik merupakan dorongan saya untuk meneruskan perjuangan dalam menyempurnakan kajian selama ini. Terima kasih.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Hipotesis Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Batasan Kajian	18
1.8 Definisi Operasi	19
1.8.1 Kaedah Penyelesaian Masalah	19
1.8.2 Kaedah Kolaboratif	20
1.8.3 Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif dengan Pemikiran Kritis	21
1.8.4 Kumpulan Kolaboratif secara Konvensional	21
1.8.5 Pemikiran Kritis	22
1.8.6 Prestasi	22
1.8.7 Minat	22
1.8.8 Kesediaan	23
1.8.9 Gaya Pembelajaran	23
1.8.10 Pembelajaran secara Mendalam	23
1.8.11 Mikroekonomi	23
1.9 Kerangka Konsep	24
1.10 Kesimpulan	28
BAB 2 TINJAUAN KAJIAN	29
2.0 Pengenalan	29
2.1 Perkembangan Kurikulum Ekonomi STPM di Malaysia	29
2.1.1 Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum	33
2.2 Pemahaman Konsep Ekonomi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	35
2.2.1 Pemahaman Konsep Berasaskan Teori Gagne	36
2.2.2 Pemahaman Konsep Berasaskan Peta Konsep	37
2.3 Kaedah Penyelesaian Masalah	39
2.3.1 Teori Penyelesaian Masalah	43

2.3.2	Model Penyelesaian Masalah	44
2.3.3	Proses Penyelesaian Masalah secara Strategi Kognitif	50
2.3.4	Strategi dan Langkah Penyelesaian Masalah	51
2.3.5	Kaedah Pengajaran Penyelesaian Masalah yang Efektif	56
2.4	Kaedah Kolaboratif	61
2.4.1	Kesan Kaedah Kolaboratif	63
2.5	Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif	64
2.5.1	Teori Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif	70
2.5.2	Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif	73
2.6	Pemikiran Kritis	82
2.6.1	Teori Sosiobudaya tentang Pemikiran Kritis	88
2.6.2	Pemikiran Kritis dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Ekonomi	90
2.6.3	Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Mata Pelajaran Ekonomi	97
2.7	Pembelajaran Pelajar Dewasa	99
2.7.1	Teori Pembelajaran Dewasa	102
2.8	Sintesis	109
2.9	Kesimpulan	110

BAB 3 METODOLOGI		111
3.0	Pendahuluan	111
3.1	Variabel	111
3.2	Kaedah kajian	111
3.3	Kaedah Kuantitatif	112
3.3.1	Teknik Persampelan Kaedah Kuantitatif	117
3.3.2	Sampel Kaedah Kuantitatif- Sampel Sekolah	118
3.3.3	Sampel Kaedah Kuantitatif – Sampel Pelajar	119
3.4	Kaedah Kaedah Kualitatif	120
3.4.1	Teknik Persampelan Kaedah Kualitatif	120
3.4.2	Subjek Kaedah Kualitatif	121
3.5	Instrumen Kajian	122
3.6	Prosedur Kajian	124
3.6.1	Kawalan Pelbagai Ancaman	126
3.6.2	Teknik Temu bual	129
3.7	Kajian Rintis	130
3.8	Penganalisan Data	133
3.8.1	Data Kuantitatif	133
3.8.2	Data Kualitatif	134
3.9	Kesimpulan	135

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	136
4.0 Pengenalan	136
4.1 Penyemakan Data Kajian Sebenar	137
4.2 Keputusan Pra-Eksperimen	138
4.2.1 Dapatan Keputusan Pra-Eksperimen	138
4.3 Keputusan Eksperimen	142
4.3.1 Pengujian Hipotesis 1 & 2	142
4.3.2 Menguji Hipotesis 3 & 4	146
4.4 Analisis Soal Selidik Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif	154
4.4.1 Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif Terhadap Minat	154
4.4.2 Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif Terhadap Kediaan Pelajar	155
4.4.3 Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif Terhadap Gaya Pembelajaran	156
4.5 Kesan Kumpulan Pembelajaran Terhadap Faktor Kajian	157
4.6 Rumusan Kesan KPMs1, KPMs2 Terhadap Pembelajaran Ekonomi secara Keseluruhan	161
4.7 Analisis Temu Bual	163
4.7.1 Profil Guru	164
4.7.2 Sebelum Pelaksanaan KPMs	164
4.7.2.1 Perspektif Guru	164
4.7.2.2 Respons Pelajar	167
4.7.3 Selepas Pelaksanaan KPMs	169
4.7.3.1 Perspektif Guru	170
4.7.3.2 Respons Pelajar	176
4.7.4 Pelaksanaan Susulan KPMs	181
4.7.4.1 Perspektif Guru	181
4.8 Rumusan Dapatan dan Kesimpulan	186
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	187
5.0 Pendahuluan	187
5.1 Rumusan Hasil Kajian	188
5.2 Perbincangan	190
5.2.1 Kesan KPMs Terhadap Peningkatan Pemikiran Kritis	190
5.2.2 Kesan KPMs Terhadap Prestasi	192
5.2.3 Kesan KPMs Terhadap Minat	195
5.2.4 Kesan KPMs Terhadap Kediaan Pelajar	196
5.2.5 Kesan KPMs Terhadap Gaya Pembelajaran	198
5.3 Implikasi Kajian	200
5.3.1 Implikasi Teori	200
5.3.2 Implikasi Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	203
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	205
5.5 Kesimpulan dan Penutup	206
BIBLOGRAFI	209

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 1.1	Zon Proksimal Perkembangan	25
Rajah 1.2	Zon Proksimal Perkembangan Pelajar	26
Rajah 1.3	Kerangka Konsep Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif dengan Pemikiran Kritis	27
Rajah 2.1	Model bagi Proses Penyelesaian Masalah	45
Rajah 2.2	Peranan Guru dalam Kaedah Penyelesaian Masalah	46
Rajah 2.3	Model Penyelesaian Masalah	48
Rajah 2.4	Model Penyelesaian Masalah Berkitar	49
Rajah 2.5	Langkah-langkah Penyelesaian Masalah	55
Rajah 2.6	Langkah-langkah Pengajaran Penyelesaian Masalah	58
Rajah 2.7	Komponen-komponen Berfikir	83
Rajah 2.8	Model Pembelajaran dan Pemikiran	94
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian dan Analisis	113
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	126
Rajah 4.1	Kesan KPMs1, KPMs2 dan KKv terhadap Faktor	161

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Bilangan Calon Ekonomi dalam Peperiksaan STPM Tahun 2002-2006	6
Jadual 2.1	Huraian Kemahiran Berfikir dalam Mata Pelajaran Ekonomi	34
Jadual 2.2	Perhubungan antara Kaedah Mengajar Mata Pelajaran Ekonomi dan Cara Pemikiran dengan Kemahiran Mikro dan Kemahiran Makro	84
Jadual 2.3	Dua Komponen Kemahiran Berfikir- Analisis Idea dan Penilaian Idea Kemahiran Berfikir secara Kritis	85
Jadual 3.1	Ringkasan Kumpulan KPMs1, KPMs2 dan KKv	115
Jadual 3.2	Agihan Kumpulan Eksperimen Mengikut Sekolah	119
Jadual 3.3	Kesahan Kandungan Soalan Aneka Pilihan	132
Jadual 3.4	Bilangan Soalan Mengikut Peringkat Taksonomi Bloom	133
Jadual 4.1	Statistik Deskriptif bagi Setiap Variabel Bersandar Bagi Praujian Cornell dan Praujian Prestasi	139
Jadual 4.2	Ringkasan bagi Analisis MANOVA dan ANOVA bagi Praujian Cornell dan Praujian Prestasi	141
Jadual 4.3	Min, Sisihan Piawai dan Ralat Piawai bagi Variabel Bersandar	143
Jadual 4.4	Ringkasan bagi Analisis MANOVA dan ANOVA bagi Pemikiran Kritis dan Prestasi	144
Jadual 4.5	Ringkasan bagi Perbandingan <i>Post Hoc Pairwise</i> antara Kumpulan	145
Jadual 4.6	Min, Sisihan Piawai bagi Variabel Bersandar	147
Jadual 4.7	Ringkasan bagi Analisis MANOVA dan ANOVA bagi Pemikiran Kritis dan Prestasi	148
Jadual 4.8	Hubungan antara Skor Min Pemikiran Kritis dengan Skor Min Prestasi	150
Jadual 4.9	Ringkasan bagi Perbandingan <i>Post Hoc Pairwise</i> antara Pelajar AE	150
Jadual 4.10	Ringkasan bagi Perbandingan <i>Post Hoc Pairwise</i> antara Pelajar TE	151
Jadual 4.11	Ringkasan bagi Analisis MANOVA dengan Kesan Interaksi	152
Jadual 4.12	Ringkasan bagi Analisis ANOVA dengan Kesan Interaksi	153
Jadual 4.13	Skor Min bagi Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif	153
Jadual 4.14	Maklum Balas Soal Selidik bagi Minat	154
Jadual 4.15	Maklum Balas Soal Selidik bagi Kesediaan Pelajar	155
Jadual 4.16	Maklum Balas Soal Selidik bagi Gaya Pembelajaran	157
Jadual 4.17	Kesan KPMs1, KPMs2 dan KKv terhadap Faktor	158
Jadual 4.18	Ringkasan bagi Perbandingan <i>Post Hoc Pairwise</i> antara Kumpulan	159

Jadual 4.19	Rumusan Hipotesis	162
Jadual 4.20	Profil Guru	164
Jadual 4.21	Respons pelajar tentang KPMs	177
Jadual 4.22	Pelaksanaan KPMs Selepas Intervensi	178

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
Lampiran A	225
Lampiran B	239
Lampiran C	248
Lampiran D	250
Lampiran E1	254
Lampiran E2	255
Lampiran F1	256
Lampiran F2	260
Lampiran F3	263
Lampiran F4	266
Lampiran G1	269
Lampiran G2	283
Lampiran G3	295
Lampiran H1	306
Lampiran H2	307
Lampiran H3	308
Lampiran I	309
Lampiran J1	311
Lampiran J2	312
Lampiran J3	314
Lampiran J4	316
Lampiran J5	318
Lampiran K	320
Lampiran L	321

SENARAI SINGKATAN

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia	STPM
Sijil Peperiksaan Malaysia	SPM
Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif	KPM
Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif dengan Pemikiran Kritis Berdasarkan Langkah Penyelesaian Tetap	KPMs1
Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif dengan Pemikiran Kritis Tanpa Langkah Penyelesaian Tetap	KPMs2
Kaedah Kolaboratif secara Konvensional Tanpa Rawatan Zon Pembangunan Proksimal	KKv ZPP
Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	KBSM
<i>Multivariate Analysis of Variance</i>	MANOVA
Analisis Varians	ANOVA
Pelajar yang Berasaskan Ekonomi	AE
Tidak Berasaskan Ekonomi	TE
Sebelum Pelaksanaan KPMs Guru 1	SPG1
Sebelum Pelaksanaan KPMs Guru 2	SPG2
Sebelum Pelaksanaan KPMs Guru 3	SPG3
Sebelum Pelaksanaan KPMs Guru 4	SPG4
Sebelum Pelaksanaan KPMs Guru 5	SPG5
Sebelum Pelaksanaan KPMs Guru 6	SPG6
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 1	SPP1
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 2	SPP2
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 3	SPP3
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 4	SPP4
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 5	SPP5
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 6	SPP6
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 7	SPP7
Sebelum Pelaksanaan KPMs Pelajar 8	SPP8
Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 1	LPG1
Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 2	LPG2
Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 3	LPG3
Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 4	LPG4
Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 5	LPG5
Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 6	LPG6
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 1	LPP1
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 2	LPP2
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 3	LPP3
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 4	LPP4
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 5	LPP5
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 6	LPP6
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 7	LPP7
Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 8	LPP8

Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 1	SSG1
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 2	SSG2
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 3	SSG3
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 4	SSG4
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 5	SSG5
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Guru 6	SSG6
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 1	SSP1
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 2	SSP2
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 3	SSP3
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 4	SSP4
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 5	SSP5
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 6	SSP6
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 7	SSP7
Susulan Selepas Pelaksanaan KPMs Pelajar 8	SSP8

KEBERKESANAN KAEDAH PENYELESAIAN MASALAH SECARA KOLABORATIF DALAM KALANGAN PELAJAR EKONOMI TINGKATAN ENAM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji kesan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif terhadap pemikiran kritis dan prestasi yang berasaskan ekonomi (AE) dan tidak berasaskan ekonomi (TE) pada peringkat SPM dalam kalangan pelajar tingkatan enam rendah. Kajian ini turut mengkaji kesan kaedah penyelesaian secara kolaboratif terhadap minat, kesediaan dan gaya pembelajaran pelajar. Kaedah eksperimen kuasi yang menggunakan reka bentuk faktorial 3X2 telah digunakan. Seramai 294 pelajar tingkatan enam rendah daripada sepuluh buah sekolah diagihkan kepada tiga kumpulan (KPMs1, KPMs2 dan KKv) secara rawak. Kesetaraan antara kumpulan ditentukan dengan menggunakan praujian Cornell dan praujian prestasi. Lima hipotesis telah diuji. Prosedur MANOVA dan ANOVA digunakan untuk mengesan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min pemikiran kritis dan prestasi ketiga-tiga kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar kumpulan KPMs1 memperoleh skor min pemikiran kritis yang tertinggi, manakala KPMs2 menunjukkan skor min prestasi yang tertinggi pada pascaujian prestasi. KPMs1 turut menunjukkan peningkatan min yang tertinggi terhadap minat, kesediaan dan gaya pembelajaran jika dibandingkan dengan KPMs2 dan KKv. KPMs2 juga menunjukkan peningkatan min yang agak tinggi bagi minat berbanding KKv. Pelajar yang berasaskan ekonomi dalam kumpulan KPMs1 menunjukkan skor min yang tertinggi dalam pascaujian Cornell (pemikiran kritis), min minat, kesediaan dan gaya pembelajaran. Pelajar aras AE dalam kumpulan KPMs2 menunjukkan skor min prestasi tertinggi secara signifikan. Dapatan juga menunjukkan KPMs1 dan KPMs2 dapat meningkatkan prestasi pelajar dengan

berkesan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menunjukkan peningkatan pemikiran kritis seperti yang dijangkakan jika dibandingkan dengan praujian tetapi dapatan kualitatif menunjukkan keputusan yang positif.

THE EFFECTIVENESS OF COLLABORATIVE PROBLEM SOLVING METHOD AMONG FORM SIX ECONOMIC STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of the study was to investigate the effects of collaborative problem solving with SPM economic background and without SPM economic background on critical thinking and academic performance of lower six students. The study further investigated the effects of collaborative problem solving on interest, preparation and learning style. A quasi-experimental method that employed the 3x2 factorial design was applied in this study. There were 294 students from ten schools were selected randomly and divided into three groups (KPMs1, KPMs2 and KKv). The equivalence of all groups was established using the pre-Cornell test and pre-performance test. Five hypotheses have been tested. MANOVA and ANOVA have been employed for testing the significant effect in mean score of critical thinking post-test and performance post-test within groups. The results showed that the students in KPMs1 group significantly outperformed in their critical thinking mean score. KPMs1 also outperformed in interest, preparation and learning style compared to KPMs2 and KKv. KPMs2 also performed quite well in interest compared with KKv. Students in KPMs1 group with economic background also outperformed in critical thinking, interest, preparation and learning style. Besides, students in KPMs2 group with economic background also outperformed in academic performance significantly. The findings of this study also show that KPMs1 and KPMs2 are effective in enhancing students' performance. However, the finding of critical thinking post-test did not perform better than pre-test, but qualitative responses showed positive results.

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Mata pelajaran ekonomi merupakan mata pelajaran sastera pada peringkat STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) sekolah menengah atas. Pelajar ekonomi tingkatan enam sering menghadapi kesukaran dari segi pemahaman konsep yang terlalu abstrak, penganalisan data statistik dan penghuraian graf (Maznah Md. Yusoff & Zainon Masri, 2006). Keadaan seperti ini dilaporkan dalam kajian Johnston, James, Lye dan McDonald (2000) yang mendapati bahawa mata pelajaran ekonomi ialah mata pelajaran yang sukar bagi pelajar sekolah menengah dan universiti di Melbourne, Australia. Konsep ekonomi dan elemen matematik seperti graf dan statistik merupakan kemahiran utama dalam mata pelajaran ekonomi. Masalah ini lebih ketara dalam kalangan pelajar tingkatan enam rendah yang baru mengambil mata pelajaran ekonomi dan mereka menghadapi kesukaran dari segi pemahaman konsep terutamanya golongan yang tidak memiliki asas ekonomi pada peringkat SPM. Para pengkaji seperti Johnston et al. (2000) yang melakukan penyelidikan tentang pembelajaran ekonomi mencadangkan supaya guru-guru melaksanakan pengajaran ekonomi dengan baik terutama kepada pelajar yang baru mengikuti mata pelajaran ekonomi untuk membangunkan pemikiran kritis dan menggalakkan mereka menyumbangkan idea semasa proses pembelajaran.

Kaedah “*chalk and talk*” merupakan cara pengajaran utama yang digunakan oleh guru-guru kerana kaedah ini dapat mengatasi masalah bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas dan masalah menghabiskan sukatan pelajaran (Becker & Watts, 2001). Kaedah ini merupakan pengajaran sehalu manakala penglibatan pelajar

semasa pembelajaran pula sangat terbatas dan pasif. Alexander dan McDougall (2001) berpendapat situasi pembelajaran yang aktif seperti pembelajaran kolaboratif perlu diaplikasikan untuk mengatasi masalah pengajaran sehalo ini. Situasi sekolah menengah di Malaysia seperti pelajar datang ke kelas tanpa persediaan dan kurang perbincangan di dalam kelas menyebabkan ramai pelajar cuma menunggu jawapan daripada guru (Khoo Yin Yin & Zakaria Kassim, 2005). Keadaan seperti ini tidak menyumbang kepada pembangunan pemikiran kritis. Guru mata pelajaran ekonomi seharusnya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pembelajaran aktif untuk membangunkan pemikiran kritis pelajar. Guru ekonomi perlu memberi peluang kepada pelajarnya untuk mengadakan sesi perbincangan terutama untuk tujuan penyelesaian masalah. Terdapat beberapa jenis kaedah pembelajaran aktif, antaranya termasuklah kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif, inkuiri penemuan, kajian kes, kerja projek dan lain-lain. Kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dipilih kerana perbincangan kumpulan yang terancang dapat membuka minda pelajar. Kenyataan ini disokong oleh kajian Johnston (1997), Johnston et al., (2000). Kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif (*Collaborative Problem Solving*) ialah pembelajaran aktif yang praktikal, mendalam dan kritis (Ramsden, 1992). Menurut Boud dan Feletti (1991), kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif boleh didefinisikan sebagai satu pendekatan yang membabitkan beberapa orang pelajar yang bersemuka untuk membincangkan permasalahan yang diberi oleh guru dan seterusnya merangsang pembelajaran sendiri pelajar.

Kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif (KPM) berbeza daripada kaedah pembelajaran konvensional. Ia berfungsi sebagai kumpulan kecil, antara empat

hingga enam orang pelajar dalam satu kumpulan. Menurut Gokhale (1995), KPM didapati sesuai dilaksanakan bagi pembelajaran ekonomi kerana kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dapat mencungkil pemikiran kritis pelajar.

Pemikiran kritis dititikberatkan dalam kurikulum tingkatan enam kerana pelajar sekolah menengah atas memerlukan kemahiran menguji hipotesis, mengumpul data, merumuskan kesimpulan dan membuat laporan. Walau bagaimanapun, pelajar kurang didedahkan dalam aktiviti yang mencungkil pemikiran kritis pelajar. Penglibatan pelajar dalam penyelesaian masalah secara kolaboratif dapat melatih mereka mengamalkan sikap berdikari dan meningkatkan pemikiran kritis mereka pada peringkat sekolah menengah (Atlas, 1995). Pelaksanaan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif (KPM) di dalam bilik darjah akan mewujudkan hubungan sosial antara ahli kumpulan. Menurut Chiu Ming Ming (2000), pelaksanaan kaedah kolaboratif yang tidak sempurna menyebabkan pelajar pandai mendominasi aktiviti kumpulan, sekaligus menutup peluang ahli lain mengemukakan pandangan mereka.

Menurut Teori Pembelajaran Gestalt (1890) dalam Barone, Maddux dan Snyder (1997), ketika seseorang mencari jalan untuk menyelesaikan masalah, terdapat keadaan jalan penyelesaian masalah yang kabur dan kurang pasti yang mendorong seseorang itu terus berusaha mencapai matlamatnya. Keadaan sedemikian dikenali sebagai celik akal. Celik akal tidak semestinya mencapai penyelesaian yang betul dan tepat. Celik akal merupakan jawapan percubaan atau hipotesis yang mungkin membantu seseorang mencapai matlamatnya. Keadaan ini membantu pelajar memindahkan pengetahuan yang sedia ada untuk menyelesaikan masalah pembelajaran (Hergenhahn, 1988).

1.1 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran ekonomi tingkatan enam terdiri daripada dua bahagian iaitu mikroekonomi dan makroekonomi. Mikroekonomi diajar semasa tingkatan enam rendah manakala makroekonomi diajar semasa tingkatan enam atas. Namun begitu, pelajar aliran sastera telah mula mempelajari ekonomi asas semasa tingkatan empat. Ramai pelajar berpendapat bahawa mata pelajaran ekonomi adalah sukar (Zakaria Kassim, 1993). Tanggapan negatif ini merupakan penghalang kepada pelajar untuk terus maju dalam mata pelajaran ini. Pelajar sains yang tidak mempelajari ekonomi asas peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan konsep ekonomi semasa mempelajari ekonomi tingkatan enam. Justeru, pelajar yang baru mempelajari ekonomi semasa tingkatan enam ini memerlukan satu kaedah pembelajaran terancang untuk membantu mereka menyelesaikan masalah di samping meningkatkan kemahiran pemikiran kritis.

Pusat Perkembangan Kurikulum menyarankan pembelajaran aktif sebagai amalan terbaik dalam mata pelajaran ekonomi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Saranan tersebut selaras dengan pendapat Mergendoller, Maxwell dan Bellismo (2002) yang menekankan bahawa pembelajaran ekonomi di sekolah menengah harus melaksanakan kaedah pembelajaran aktif dan pembelajaran sendiri yang berorientasikan pelajar. Namun demikian, pengajaran guru ekonomi masa kini hanya sebagai proses transmisi pengetahuan dan berorientasikan peperiksaan. Sesetengah guru masih tidak mengamalkan kaedah kolaboratif kerana kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai merupakan fenomena yang biasa. Hal ini

dibuktikan oleh Laporan Parlimen (1998) yang menunjukkan bilangan pelajar dalam sesebuah kelas ialah dalam lingkungan empat puluh lima orang. Nada yang sama turut disuarakan oleh Chiu Ming Ming (2000) yang mendapati bahawa sesetengah guru tidak mempunyai bilangan pelajar yang ramai tetapi melaksanakan kaedah kolaboratif dengan cara yang kurang tepat.

Kaedah pengajaran yang berpusatkan guru menyebabkan pelajar kurang berpeluang melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Hal ini disokong oleh Azmi Ismail (2004). Bonwell dan Eison (1991), Siegfried (1991) dalam Salemi, Siegfried, Kim Sosin, Walstad dan Watts (2000) menyatakan bahawa pembelajaran aktif perlu dilaksanakan untuk membantu pelajar berfikir seperti pakar ekonomi. Pelajar yang berfikir seperti pakar ekonomi berupaya memahami konsep secara kritis, meningkatkan pemikiran kritis seterusnya meningkatkan prestasi.

Hal ini perlu diberi penekanan kerana bilangan calon mata pelajaran ekonomi semakin bertambah dari tahun 2002 hingga 2005. Namun demikian, pertambahan bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ekonomi tidak menjamin peningkatan dalam kemahiran pemikiran kritis dan prestasi pelajar. Berdasarkan Jadual 1.1, bilangan calon bertambah sebanyak 26.58% pada tahun 2003, manakala pada tahun 2004 bilangan calon seramai 29,933 orang, iaitu pertambahan sebanyak 7882 orang calon. Pada tahun 2005, bilangan calon bertambah sebanyak 804 menjadi 30,737, menurun sebanyak 1634 orang pada tahun 2006 dan turut menurun sebanyak 5533 orang pada tahun 2007 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2008). Hal ini ketara berdasarkan keputusan mata pelajaran ini yang merosot sebanyak 2.71% pada tahun 2003. Pada tahun 2004 dan 2006, prestasi mata pelajaran ekonomi masih tidak

meningkat (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2007). Laporan Analisis Keputusan STPM (2006) menunjukkan fenomena yang sama berlaku di Pulau Pinang iaitu bilangan calon yang ramai menduduki peperiksaan mata pelajaran ekonomi STPM tetapi secara keseluruhannya prestasi mata pelajaran ekonomi kurang memuaskan. Oleh itu, satu kaedah pembelajaran aktif yang sesuai perlu diperkenalkan.

Jadual 1.1 Bilangan Calon Ekonomi Peperiksaan STPM Tahun 2002-2007

Tahun	Bil. Calon	Pertambahan/ Pengurangan Calon
2002	17,421	-
2003	22,051	4630
2004	29,933	7882
2005	30,737	804
2006	29,103	-1634
2007	23,570	-5533

Salah satu kaedah pembelajaran yang memenuhi kriteria tersebut ialah kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif (Gokhale,1995). Penyelesaian masalah dalam mata pelajaran ekonomi boleh dilaksanakan secara pembelajaran kolaboratif. Prasyarat pelaksanaan pembelajaran kolaboratif ialah kemahiran pelajar berkomunikasi secara berkesan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran berkumpulan. Kaedah penyelesaian masalah memerlukan teknik pemikiran tahap tinggi. Lester (1985) menyatakan bahawa penyelesaian masalah mewakili satu aktiviti minda yang kompleks dan mempunyai banyak kemahiran kognitif seperti analisis, sintesis, pemahaman dan manipulasi. Setiap kemahiran ini memerlukan pengurusan dan koordinasi mental yang teratur. Aktiviti pembelajaran ekonomi berkumpulan ini penting untuk menambahkan kemahiran pembelajaran pelajar dari segi pemahaman konsep ekonomi. Kekuatan pembelajaran kolaboratif adalah memberi peluang kepada pelajar untuk berbincang, bertukar fikiran dan menghasilkan idea baru. Proses perubahan struktur kognitif ini dikenali sebagai akomodasi. Menurut Johnson dan Johnson (1994), prestasi pelajar ekonomi yang

mengamalkan kaedah pembelajaran penyelesaian masalah secara kolaboratif (KPM) adalah jauh lebih baik daripada prestasi pelajar yang mengamalkan kaedah pembelajaran secara individu. Namun begitu, kejayaan pelajar yang melaksanakan kaedah pembelajaran berkumpulan adalah bergantung pada pelbagai faktor termasuk saiz kumpulan, tanggungjawab ahli kumpulan, usaha ahli kumpulan, keupayaan sumbangan ahli-ahli kumpulan dan perancangan guru (Abrami, 1995).

Kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif perlu dirancang untuk memenuhi kriteria antara pembelajaran secara mendalam (*deep learning*) dengan pembelajaran kritis. Mengikut kajian Marton dan Saljo (1976), pelajar-pelajar yang menggunakan pembelajaran secara mendalam dapat memahami konsep dengan lebih terperinci. Shaughnessy (2002) pula menegaskan bahawa penglibatan proses pemikiran dapat mewujudkan pembelajaran mendalam. Pelajar yang menggunakan proses metakognitif dapat mengintegrasikan idea baru dengan pengetahuan sedia ada untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam. Dalam hubungan ini, pemikiran kritis merupakan asas dalam membuka minda pelajar kepada pembelajaran secara mendalam. Keadaan ini berbeza daripada pelajar-pelajar yang menggunakan kaedah pembelajaran secara luaran (*surface learning*) yang melibatkan pembelajaran untuk mencapai keperluan jangka pendek. Pelajar-pelajar yang menggunakan pembelajaran secara luaran hanya berupaya mengingat fakta atau konsep ekonomi yang dipelajari untuk jangka pendek kerana ingatan fakta yang dipelajari diambil alih oleh isi kandungan pelajaran yang baru dipelajari. Gaya pembelajaran secara luaran jenis hafalan ini tidak akan kekal dalam minda pelajar tanpa pemahaman secara mendalam tentang isi pelajaran ekonomi yang telah dipelajari (Marton & Saljo, 1976). Oleh itu pembelajaran secara luaran tidak memadai bagi mempelajari

mata pelajaran ekonomi kerana pelbagai kemahiran perlu dikuasai untuk menyelesaikan masalah.

Secara amnya, aktiviti pembelajaran yang memusatkan pelajar dapat meningkatkan minat mereka. Peningkatan minat pelajar menggalakkan mereka mengkaji lebih terperinci tentang konsep untuk mendapatkan pemahaman lebih mendalam. Kenyataan ini disokong oleh Trigwell, Prosser dan Waterhouse (1999). Meade (1997) berpendapat bahawa pihak sekolah patut menukar cara pengajaran dan pembelajaran yang memusatkan guru kepada memusatkan pelajar seperti kaedah pembelajaran kolaboratif kerana kaedah ini lebih memanfaatkan pelajar. Oleh itu usaha meningkatkan pemikiran kritis perlu dilaksanakan untuk mengaktifkan suasana pembelajaran dan meningkatkan minat pelajar. Dengan pelaksanaan kaedah penyelesaian masalah, ia dapat membuka ruang untuk guru mata pelajaran ekonomi yang kurang mengamalkan pembelajaran aktif agar dapat membantu pelajar meningkatkan pemikiran kritis mereka.

1.2 Pernyataan Masalah

Daripada pengalaman penyelidik, permasalahan utama dalam pelaksanaan pengajaran ekonomi pada peringkat tingkatan enam ialah kaedah kolaboratif yang diamalkan kurang berkesan, kekurangan kemahiran pemikiran kritis pelajar dan prestasi STPM yang kurang memuaskan. Selain itu, amalan kaedah pembelajaran pelajar yang kurang sesuai, kesediaan pelajar sebelum perbincangan yang tidak menggalakkan dan kekurangan minat pelajar terhadap mata pelajaran ekonomi.

Amalan kaedah kolaboratif yang kurang berkesan menyebabkan pelajar kurang menyertai perbincangan kumpulan. Dotson (2001) dan Carpenter (2002) mendapati sebahagian besar pelajar tidak menyertai aktiviti berkumpulan, mereka tidak memfokuskan perbincangan kepada persoalan yang dikemukakan oleh guru. Pelajar pandai tidak membantu dan tidak mendorong rakan sebaya melaksanakan tugas kumpulan, malah lebih suka melakukan tugas pembelajaran secara sendiri untuk memastikan keputusan kumpulan mereka yang lebih baik. Akibat perlakuan sedemikian, rakan dalam kumpulan kecil dianggap sebagai ‘penumpang percuma’ (*free-rider*) dan tidak membuat persediaan awal semasa pembelajaran ekonomi. Pelaksanaan pembelajaran secara kaedah berkumpulan seperti ini tidak memenuhi tuntutan kaedah pembelajaran kolaboratif. Akibatnya pembelajaran kolaboratif menjadi kurang efektif dalam membantu pelajar memahami konsep-konsep ekonomi yang dipelajari. Agihan tugas yang sama rata antara ahli kumpulan perlu diamalkan supaya pembelajaran kolaboratif berfungsi dengan lebih efektif.

Ramai guru berpendapat bahawa pemikiran kritis dan isi kandungan pelajaran patut diajar melalui aktiviti yang berlainan (Walstad,1996). Hal ini menunjukkan kelemahan pelajar adalah kurang berupaya membincangkan isu-isu ekonomi secara kritis. Laporan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menyatakan bahawa pada keseluruhannya pelajar masih mengamalkan strategi pembelajaran secara menghafal. Laporan ini selari dengan hasil dapatan kajian Khoo Yin Yin dan Zakaria Kassim (2005). Masalah wujud kerana pelajar-pelajar terlalu didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang menjurus pada peperiksaan (Abdul Aziz Abdul Shukor & Hairul Nizam Ismail, 2005). Pemikiran kritis jarang diterokai oleh pelajar kerana mereka tidak

mempunyai kemahiran ini. Hal ini disokong oleh Schafersman (1991) dengan mengatakan bahawa 40% daripada pelajar yang berusia tujuh belas tahun tidak mempunyai kemahiran pemikiran yang tinggi.

Menurut Leanne Goh dan Tan Wai Fong (1994), sasaran kerja Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2000 ialah 60% soalan peperiksaan umum hendaklah berupa soalan yang menguji pemikiran kritis. Pada tahun 1994 Pengarah Pendidikan, Wan Zahid Mohamad Noordin pernah menyarankan pelaksanaan sistem peperiksaan terbuka yang mementingkan kemahiran berfikir pelajar dan perbincangan fakta secara analisis. Beliau menyeru supaya guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menekankan pemikiran kritis agar selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (Leanne Goh & Tan Wai Fong, 1994).

Masalah pembelajaran ekonomi berpunca daripada amalan kaedah pembelajaran (Chiu Ming Ming, 2000). Menurut Burkhardt (1976) kaedah pembelajaran kolaboratif sukar dilaksanakan kerana guru-guru beranggapan kaedah pembelajaran kolaboratif adalah membuang masa. Hal ini disokong oleh Michaelson, Knight dan Fink (2002). Guru-guru mengambil jalan mudah dengan memberitahu jawapan tanpa penjelasan kepada pelajar untuk menjimatkan masa dan dapat menghabiskan sukatan pelajaran dengan cepat. Kaedah pembelajaran kolaboratif yang dapat melatih pelajar tentang kemahiran berfikir secara kritis diabaikan. Kejayaan meningkatkan pemikiran kritis pelajar bergantung pada peranan guru dalam merancang dan menyediakan aktiviti pembelajaran berkumpulan yang melibatkan semua pelajar.

Pelajar akan hilang minat terhadap mata pelajaran ekonomi jika prestasinya kurang baik. Hasil penyelidikan (Khoo Yin Yin & Zakaria Kassim, 2005) mendapati bahawa 75% pelajar sukar memahami konsep ekonomi. Sementara itu, 58% pelajar ekonomi pula sukar menyelesaikan tugas yang melibatkan penyelesaian masalah yang mengandungi elemen-elemen matematik. Kajian ini juga mendapati 69% pelajar sukar menginterpretasikan graf untuk mengaitkannya dengan konsep dan teori ekonomi yang sesuai. Kajian awal penyelidik terhadap sepuluh orang guru (Khoo Yin Yin & Zakaria Kassim, 2005) menunjukkan kaedah pembelajaran pelajar yang kurang efektif menyebabkan prestasi yang tidak baik. Walau bagaimanapun, format peperiksaan STPM semakin menjurus ke arah soalan yang memerlukan pemikiran kritis, manakala kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh guru dan pelajar ekonomi masih tidak berubah untuk menerima cabaran baru (Khoo Yin Yin, Fatimah Saleh & Abdul Ghani Kanesan Abdullah, 2007).

Bertitik tolak daripada permasalahan yang wujud di atas, keputusan peperiksaan STPM bagi tahun 2003 menunjukkan bahawa prestasi pelajar dalam mata pelajaran ekonomi telah merosot kepada 54.42% berbanding 57.13% pada tahun 2002 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2005). Majlis Peperiksaan Malaysia (2006) melaporkan bahawa prestasi pelajar dalam mata pelajaran ekonomi tidak menunjukkan peningkatan pada tahun 2004 iaitu sebanyak 51.33%. Prestasi pelajar ekonomi menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2005 iaitu 52.33% tetapi merosot kepada 51.84% pada tahun 2006 dan 49.30% pada tahun 2007 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2008). Peratusan kelulusan pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi mata pelajaran dalam kumpulan yang sama seperti pengajian perniagaan mencatatkan 61.90% pada tahun 2003, 63.99% pada tahun 2004, 61.13%

pada tahun 2005, 60.79% pada tahun 2006 dan 63.54% pada tahun 2007 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2008). Hal ini membuktikan bahawa prestasi mata pelajaran ekonomi adalah kurang baik berbanding prestasi mata pelajaran pengajian perniagaan. Menurut Majlis Peperiksaan Malaysia (2008), kelemahan calon adalah dalam mengaplikasikan teori untuk menyelesaikan masalah ekonomi dalam soalan yang ditanya semasa peperiksaan STPM. Calon didapati tidak mengaitkan teori dan konsep ekonomi dengan soalan yang ditanya. Mereka juga lemah dalam menjawab soalan bahagian kuantitatif yang mengandungi gabungan konsep dan elemen matematik. Kaedah pembelajaran yang dapat membantu pelajar dalam pemahaman konsep adalah diperlukan.

Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini dilakukan dengan memberi tumpuan pada strategi pembelajaran di dalam kelas ekonomi. Salah satu alternatif kepada strategi pembelajaran yang sedia ada ialah kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah penyelesaian masalah diperlukan oleh pelajar untuk melatih pemikiran kritis supaya dapat mewujudkan kemahiran yang membantu dalam pemahaman konsep secara mendalam (Foshay & Kirkley, 2003). Brooks dan Kandler (2002) menyatakan bahawa interaksi sesama pelajar yang menjadi ciri utama pembelajaran kolaboratif berupaya meningkatkan prestasi pelajar dan minat pelajar. Walau bagaimanapun, kajian penggunaan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif kurang dijalankan pada peringkat sekolah menengah. Maka, pengkaji ingin menggunakan elemen kaedah penyelesaian masalah dan pembelajaran kolaboratif untuk menghasilkan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis (KPMS) untuk mengkaji pelaksanaannya

tiga kaedah yang dibina iaitu KPMs1, KPMs2 berbanding KKv di tingkatan enam rendah. Dalam kajian ini, tiga kaedah yang dibina telah dilabelkan sebagai:

- i) Kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1).
- ii) Kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis tanpa langkah penyelesaian tetap (KPMs2).
- iii) Kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv).

1.3 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat kesan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1), kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis tanpa langkah penyelesaian tetap (KPMs2) berbanding kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv) terhadap pelajar tingkatan enam rendah dalam meningkatkan kemahiran pemikiran kritis dan prestasi pelajar. Kesan ketiga-tiga kaedah terhadap kemahiran pemikiran kritis, prestasi, minat, kesediaan dan gaya pembelajaran diuji. Pandangan guru dan pelajar digunakan untuk menentukan kekekalan (*sustainability*) KPMs1 dan KPMs2 selepas pelaksanaan rawatan.

Secara khusus objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti kesan penggunaan kaedah KPMs1, KPMs2 berbanding KKv terhadap a) pemikiran kritis b) prestasi pelajar tingkatan enam.
2. Menentukan perbezaan kesan kumpulan berasaskan ekonomi (AE) dan kumpulan tidak berasaskan ekonomi (TE) dalam aspek a) pemikiran kritis b) prestasi pelajar tingkatan enam.

3. Mengenal pasti minat pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan KPMs1 dan KPMs2 dalam mata pelajaran mikroekonomi.
4. Mengenal pasti kesediaan pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti kumpulan KPMs1 dan KPMs2 dalam mata pelajaran mikroekonomi.
5. Mengenal pasti gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan.
6. Meninjau pandangan guru dan pelajar tentang pelaksanaan kaedah KPMs1 dan KPMs2.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dikemukakan seperti berikut:

1. Adakah kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1) dan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis tanpa langkah penyelesaian tetap (KPMs2) berkesan untuk meningkatkan a) pemikiran kritis pelajar b) prestasi berbanding kumpulan kawalan yang mengikuti kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv)?
2. Apakah perbezaan antara kumpulan pelajar AE dan TE dalam aspek a) pemikiran kritis b) prestasi pelajar tingkatan enam?
3. Adakah perubahan minat pelajar sebelum dan selepas melaksanakan kaedah KPMs1, KPMs2 berbanding KKv?
4. Apakah tahap kesediaan pelajar sebelum dan selepas melaksanakan kaedah KPMs1, KPMs2 berbanding KKv?

5. Adakah perubahan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar sebelum dan selepas melaksanakan kaedah KPMs1, KPMs2 berbanding KKv?
6. Apakah pandangan guru dan pelajar tentang pelaksanaan kaedah KPMs1 dan KPMs2?

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, sebanyak lima hipotesis nul telah dikemukakan untuk menguji kebenarannya.

Hipotesis 1 (H_{01})

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min pemikiran kritis antara kumpulan pelajar yang didedahkan dengan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1) dan pemikiran kritis tanpa langkah penyelesaian tetap (KPMs2) berbanding pelajar yang didedahkan dengan kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv).

Hipotesis 2 (H_{02})

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min prestasi pelajar yang didedahkan dengan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1) dan pemikiran kritis tanpa langkah-langkah penyelesaian tetap (KPMs2) berbanding prestasi pelajar yang didedahkan dengan kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv).

Hipotesis 3 (H_{03})

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min pemikiran kritis antara kumpulan pelajar yang didedahkan dengan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1) dan pemikiran kritis tanpa langkah penyelesaian tetap (KPMs2) berbanding pelajar yang didedahkan dengan kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv) berdasarkan pengambilan kertas peperiksaan ekonomi asas pada peringkat SPM.

Hipotesis 4 (H_{04})

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min prestasi pelajar yang didedahkan dengan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1) dan pemikiran kritis tanpa langkah penyelesaian tetap (KPMs2) berbanding pelajar yang didedahkan dengan kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv) berdasarkan pengambilan kertas peperiksaan ekonomi asas pada peringkat SPM.

Hipotesis 5 (H_{05})

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat, kesediaan dan gaya pembelajaran terhadap pelajar yang didedahkan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dengan pemikiran kritis berdasarkan langkah penyelesaian tetap (KPMs1) dan pemikiran kritis tanpa langkah penyelesaian tetap (KPMs2) berbanding pelajar yang didedahkan dengan kaedah kolaboratif secara konvensional tanpa rawatan (KKv).

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini penting dalam memberi sumbangan kepada pihak-pihak tertentu terutamanya guru, pelajar, pembuat dasar pendidikan dan para penyelidik pendidikan untuk meningkatkan kualiti pencapaian mikroekonomi pelajar ekonomi peringkat STPM.

Kajian tentang pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran mikroekonomi di Malaysia masih sangat kurang dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini penting dilaksanakan dalam mata pelajaran mikroekonomi yang melibatkan pemikiran kritis supaya dapat menyumbang ke arah peningkatan prestasi mikroekonomi STPM. Kaedah penyelesaian masalah telah lama digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik tetapi ia masih sangat kurang dilaksanakan dalam mata pelajaran mikroekonomi sungguhpun amat diperlukan. Tambahan pula, kajian yang dilakukan di Australia dan New Zealand oleh Johnston et al. (2000), Alexander dan McDougall (2001) mendapati bahawa KPM sangat sesuai dilaksanakan terutama bagi mata pelajaran ekonomi sebagai penanda aras.

Laporan *Learning Rochester Institute of Technology* (2000) menyarankan agar guru melaksanakan pembelajaran aktif dalam mata pelajaran mikroekonomi kerana melalui penglibatan pelajar ia dapat meningkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran mikroekonomi. Kenyataan ini disokong oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2005). Kaedah KPMs sebagai salah satu kaedah pembelajaran aktif boleh menjadi panduan kepada guru tingkatan enam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan minat, pemahaman konsep mikroekonomi secara mendalam dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kumpulan. Tambahan pula,

dapatan kajian ini boleh menjadi panduan kepada guru dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk melatih pemikiran kritis.

Penyelidikan ini membolehkan pelajar berpeluang mendapat pendedahan terhadap kaedah pembelajaran aktif, melatih pelajar melaksanakan pemikiran kritis dan memahami konsep mikroekonomi secara mendalam. Di samping itu, hasil kajian ini diharap dapat membantu pelajar tempatan meningkatkan prestasi, minat dan kesediaan mereka terhadap mata pelajaran mikroekonomi. Kajian ini cuba mendapatkan bukti tambahan tentang kesan KPMs terhadap pemikiran kritis dan gaya pembelajaran kolaboratif pelajar dalam inovasi kurikulum.

Akhirnya, kajian ini diharap dapat sebagai sumbangan kepada usaha pembuat dasar untuk meningkatkan mutu perkhidmatan institusi pendidikan. Usaha ini penting untuk memberi kepuasan kepada pelanggan melalui perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti. Penyelidikan dan pembangunan berterusan dalam aspek KPMs berasaskan hasil kajian boleh menjadi sumbangan kepada Malaysia untuk dijadikan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini dan seterusnya menjadikan bidang pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pelajar tingkatan enam rendah kerana tingkatan enam atas merupakan kelas peperiksaan STPM. Oleh itu, pelajar tingkatan enam rendah yang mengambil mata pelajaran mikroekonomi di sepuluh buah sekolah di negeri Pulau Pinang telah dipilih secara rawak.

Intervensi mengambil masa hanya sepuluh minggu tempoh persekolahan kerana penyelidikan ini memberi tumpuan pada dua tajuk (empat subtajuk) yang memperuntukkan masa pengajarannya selama sepuluh minggu sahaja. Malah, kajian ini tidak mengukur proses dan langkah-langkah pembelajaran semasa pelaksanaan KPMs. Selama ini keberkesanan modul juga tidak turut dikaji dalam kajian ini. Pemahaman konsep secara mendalam juga tidak akan diuji. Di samping itu, sentimen pelajar semasa menduduki ujian juga tidak dapat dikawal oleh pengkaji. Pengkaji cuma memberi tumpuan pada mikroekonomi kerana pelajar tingkatan enam rendah cuma mempelajari mikroekonomi dan makroekonomi apabila mereka berada di tingkatan enam atas.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Kaedah Penyelesaian Masalah

Menurut Goel (1995), pakar sains menyatakan apabila otak manusia menyelesaikan masalah, ingatan seseorang itu seperti dalam keadaan bermain permainan selang kata (*puzzle-games*). Penyelesaian masalah ialah proses yang meresap segala konsep dan kemahiran yang dapat dipelajari (National Council of Teachers of Mathematics, 1989).

Perkataan “masalah” didefinisikan sebagai kesukaran individu mencapai sasaran dalam satu situasi yang diingini. Hal ini bermakna “masalah” boleh ditakrifkan sebagai individu yang tidak dapat menggunakan pengalaman sedia ada untuk menyelesaikan sesuatu situasi.

Kaedah penyelesaian masalah ialah aktiviti mental yang mengandungi pelbagai kemahiran kognitif beraras tinggi dan pembelajaran yang membolehkan pengetahuan diperoleh melalui permasalahan yang dikemukakan. Tumpuan kaedah penyelesaian masalah dalam kajian ini menjurus kepada satu keadaan yang abstrak dalam proses minda dari segi ingatan dan penyusunan yang sistematik. Dalam kajian ini, penyelesaian masalah ialah pembelajaran yang berasaskan masalah mikroekonomi dan pelajar dapat menyelesaikan masalah itu dengan keupayaan sendiri.

1.8.2 Kaedah Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif dari segi konsep membawa maksud satu kumpulan atau pelajar belajar secara berpasangan bertujuan mencapai pencapaian akademik yang disasarkan (Gokhale, 1995).

“Kolaboratif” bermaksud dua atau lebih orang yang saling mempengaruhi, berkumpul dan berkongsi pendapat dalam kumpulan sosial yang sama. Konsep kolaboratif bererti satu kumpulan pelajar bekerjasama ke arah matlamat yang telah dipersetujui bersama. Pendekatan ini membolehkan pelajar-pelajar sentiasa membantu antara satu sama lain dan memberi kejayaan kepada pelajar-pelajar dalam tiga aspek iaitu intelek, sosial dan penyelesaian masalah di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, kaedah kolaboratif memberi tumpuan pada pembelajaran rakan sebaya dalam satu kumpulan kecil dengan menggunakan modul pembelajaran mikroekonomi untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.

1.8.3 Kaedah Penyelesaian Masalah secara Kolaboratif dengan Pemikiran Kritis

KPMs ialah aktiviti penyelesaian masalah yang dilaksanakan dengan bantuan modul peta konsep untuk meningkatkan kemahiran pemikiran kritis dalam mata pelajaran mikroekonomi tingkatan enam. KPMs ialah kaedah pembelajaran yang berbeza daripada pembelajaran berasaskan masalah kerana ia lebih menekankan peranan ahli kumpulan, akauntabiliti ahli, sikap berdikari pelajar dan kolaboratif. Dua kumpulan eksperimen ialah KPMs1 yang menggunakan modul dan langkah penyelesaian masalah yang dihasilkan oleh penyelidik manakala KPMs2 pula menggunakan modul tetapi langkah penyelesaian masalah adalah menurut budi bicara pelajar sendiri. Bilangan ahli dalam kumpulan ialah empat orang pelajar sahaja.

1.8.4 Kaedah Kolaboratif secara Konvensional Tanpa Rawatan

Menurut Johnson dan Johnson (1999), sekumpulan pelajar yang diberi kerja sebagai sekumpulan tetapi mempunyai minat yang rendah, *interdependence* antara ahli kumpulan adalah rendah.

Kaedah kolaboratif secara konvensional merujuk kepada sekumpulan pelajar yang sama-sama berbincang dengan tidak memberi perhatian kepada fungsi kumpulan semasa perbincangan di dalam kelas. Ahli kumpulan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri dan tidak memberi perhatian kepada ahli kumpulan dan interaksi kumpulan. Bilangan ahli tidak terhad mengikut pilihan pelajar. Dalam kajian ini, kaedah kolaboratif secara konvensional bererti sekumpulan pelajar yang tidak diberi rawatan, diberi tugas kumpulan tetapi mereka mempunyai *interdependence* antara ahli kumpulan yang rendah.

1.8.5 Pemikiran Kritis

Menurut Huit (1988), pemikiran kritis ialah kemahiran untuk mengkonseptualisasi, mengaplikasi, menganalisis, sintesis dan menilai informasi. Manakala, maklumat dapat dikumpul melalui pemerhatian, pengalaman, refleksi dan komunikasi.

Dalam kajian ini, peningkatan pemikiran kritis pelajar membawa maksud terdapat pertambahan dalam skor min pascaujian Cornell pelajar. Pemikiran kritis pelajar dapat ditingkatkan melalui kaedah penyelesaian masalah kolaboratif secara kritis.

1.8.6 Prestasi

Prestasi membawa maksud pencapaian. Dalam kajian ini, prestasi ialah pencapaian pelajar dalam pascaujian. Prestasi diukur dalam bentuk soalan aneka pilihan. Prestasi pelajar dapat ditingkatkan melalui kaedah penyelesaian masalah kolaboratif secara kritis.

1.8.7 Minat

Minat bererti keinginan, kesukaan atau kecenderungan terhadap sesuatu. Dalam kajian ini, minat membawa maksud pelajar suka, berpuas hati dan kerap membuat rujukan dan latihan dalam mata pelajaran mikroekonomi. Hasil perlakuan yang disebabkan oleh minat pelajar mikroekonomi tingkatan enam rendah ialah mereka dapat mencapai markah yang tinggi, mempunyai pemikiran yang kritis dan memahami konsep mikroekonomi melalui kaedah penyelesaian masalah kolaboratif secara kritis.

1.8.8 Kesiediaan

Thorndike (1913) menyatakan kesiediaan ialah persiapan individu yang perlu ada sebelum belajar. Dalam kajian ini, kesiediaan menjurus kepada aspek persiapan pelajar terhadap kefahaman isi kandungan sebelum menyertai KPMS.

1.8.9 Gaya Pembelajaran

Coffield, Moseley, Hall dan Ecclestone (2004) menyatakan gaya pembelajaran ialah satu kaedah yang digunakan oleh individu untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan paling baik. Dalam kajian ini, gaya pembelajaran membawa maksud pelajar dapat mengadaptasi kaedah KPMS dan menyesuaikan diri dengan kaedah kolaboratif.

1.8.10 Pembelajaran secara Mendalam

Pembelajaran secara mendalam adalah memahami idea utama dalam petikan dengan jelas (Marton & Saljo, 1976). Pembelajaran secara mendalam merujuk kepada pemahaman yang jelas yang bukan terhad kepada permukaan “*surface*” sahaja. Pembelajaran ini merujuk kepada jenis pembelajaran yang melibatkan penginterpretasian konsep ekonomi yang betul semasa menjawab soalan mikroekonomi dalam soalan modul, praujian dan pascaujian.

1.8.11 Mikroekonomi

Mikroekonomi ialah sebahagian daripada mata pelajaran ekonomi. Dalam penyelidikan ini, mikroekonomi menumpukan kepada subtajuk permintaan,

penawaran, keanjalan pemintalan dan keanjalan penawaran. Sukatan yang dirujuk ialah sukatan mata pelajaran ekonomi tingkatan enam rendah KBSM tahun 2003.

1.9 Kerangka Konsep

Kajian ini berpandukan Teori Pembudayaan Sosial yang menghalu ke zon proksimal perkembangan (Vygotsky, 1997) dan Teori Pembelajaran Dewasa (Knowles, Holton & Swanson, 1998). Faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan dalam pemikiran kritis dan prestasi termasuklah komunikasi, interaksi sosial, pengetahuan sedia ada, kesediaan dan minat pelajar.

Menurut Vygotsky (1997), pembelajaran berlaku lebih awal daripada pembangunan pemikiran pelajar tetapi kedua-dua elemen ini ialah satu proses dinamik yang mempunyai hubungan yang rapat. Model KPMs disokong oleh Vygotsky (1997) yang menyatakan bahawa proses pembangunan kemahiran pemikiran yang tinggi bergantung pada interaksi sosial dan pembangunan kognitif bertahap tinggi. Pelajar dapat berkomunikasi dengan ahli kumpulan melalui aktiviti KPMs. Pelajar berpeluang menjalankan "*mind on activity*" seperti bertukar fikiran dan menghasilkan ide baru. Teori ini jelas menunjukkan bahawa pengetahuan dapat berintegrasi untuk membangunkan proses konseptual dan pemikiran tahap tinggi melalui pembelajaran secara kolaboratif. Pengetahuan dapat dibina melalui kolaboratif iaitu pelajar mengkaji cara menginterpretasikan soalan antara satu sama lain, kritikan dan berbincang dengan rakan sebaya untuk menyelesaikan masalah bersama-sama. Fenomena ini dipanggil Zon Proksimal Perkembangan (*Zone of Proximal Development*).